

# MEMO

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)

**KEPADA** : **PELAJAR UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA** : **UNIT BANTUAN KEWANGAN (UBK)**

**TARIKH** : **1 APRIL, 2020**

**PERKARA** : **PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) SEMESTER APRIL 2020**

*Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan secara dalam talian (online) bagi pinjaman PTPTN Semester April, 2020 kini telah dibuka seperti ketetapan berikut:

Jadual 1 : Permohonan PTPTN Semester April, 2020	
Permohonan Fasa 1 (Kelompok 1)	Tarikh : 1 April, 2020 – 30 April, 2020
Permohonan Fasa 2 (Kelompok 2)	Tarikh : 1 Mei, 2020 – 31 Mei, 2020

Para pelajar dikehendaki melengkapkan permohonan di laman sesawang <https://www.ptptn.gov.my/> mengikut tempoh ketetapan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1. PTPTN bagi pelajar semasa pula akan dikreditkan bermula pada 24 Mei, 2020.

Perhatian dan kerjasama para pelajar berhubung perihal ini didahului dengan ucapan terima kasih. Sila rujuk lampiran bagi keperluan tindakan dan dokumen yang berkaitan.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menjalankan amanah,

**AMIDI BIN ABDUL MANAN**

Dekan

Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP)  
Universiti Selangor

*Memo ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan*

## PERMOHONAN PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Permohonan pinjaman PTPTN pelajar UNISEL bagi Semester April 2020 mulai dibuka seperti ketetapan berikut:

Permohonan PTPTN Semester April, 2020	
Permohonan Fasa 1 (Kelompok 1)	Tarikh : 1 April, 2020 – 30 April, 2020
Permohonan Fasa 2 (Kelompok 2)	Tarikh : 1 Mei, 2020 – 31 Mei, 2020

- Layari laman <https://www.ptptn.gov.my/makluman-pinjaman-side/langkah-pendaftaran-permohonan-pinjaman> untuk mendapatkan maklumat berkaitan "Langkah Pendaftaran Permohonan Pinjaman".
- Permohonan 'online' PTPTN:
  1. Surat tawaran kemasukan UNISEL.
  2. No. akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pemohon. Permohonan "online": <https://vao.bankislam.com.my/>
  3. No. akaun SSPN-i. Boleh dibuka di pejabat PTPTN cawangan Negeri atau ibu pejabat PTPTN. Permohonan "online": <https://www.ptptn.gov.my/pembukaan-akaun-sspn-i-side>
  4. No. pin PTPTN. Boleh dibeli di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan harga RM5.00 (tempoh sah laku enam bulan dari tarikh pembelian). Pembelian "online": <https://www.ptptn.gov.my/elmas-pin-purchase-web/#/register>
  5. Mulakan pendaftaran: <https://www.ptptn.gov.my/perkhidmatan-menu/perkhidmatan-pinjaman-menu>
- Maklumat yang diperlukan ketika mengisi permohonan secara 'online':
  1. Butiran peribadi pemohon.
  2. Butiran penjaga: Meliputi jumlah gaji kasar sebulan, jumlah gaji bersih sebulan, no. cukai pendapatan (jika berkaitan) dan no. ahli KWSP (jika berkaitan).
  3. Butiran ibu/bapa kandung: Meliputi jumlah gaji kasar sebulan, jumlah gaji bersih sebulan, no. cukai pendapatan (jika berkaitan) dan no. ahli KWSP (jika berkaitan).
  4. Butiran pekerjaan (jika masih bekerja).
  5. Butiran kelayakan pemohon, meliputi keputusan; SPM/SPMV/STPM/STAM/SIJIL/MATRIKULASI/ASASI/DIPLOMA (yang berkaitan).
  6. Pemilihan kursus: Pastikan nama program, nama IPT (UNISEL), tarikh mula pengajian serta no. akaun BIMB pemohon adalah betul.
- Maklumat lanjut dan syarat berkaitan permohonan pinjaman: <https://www.ptptn.gov.my/permohonan-pinjaman-side>
- Panduan dan peraturan mengisi dokumen pinjaman PTPTN: <https://www.ptptn.gov.my/panduan-permohonan-pinjaman-side>
- Tarikh status permohonan: Sila semak keputusan permohonan enam (6) hari selepas tarikh tutup permohonan.
- Tarikh sah dokumen tawaran dan perjanjian PTPTN:
  1. Tempoh sah dokumen PTPTN adalah 14 hari selepas keputusan permohonan dikeluarkan.
  2. Muat turun dokumen tawaran dan perjanjian dari laman sesawang PTPTN. Cetak dua set asal dokumen tawaran dan perjanjian;
  3. Beli setem hasil dua (2) keping di pejabat pos yang berdekatan. Setiap set dokumen perjanjian pinjaman pendidikan disertakan dengan setem hasil yang bernilai RM10.00.
  4. Dokumen PTPTN yang lengkap perlu diserahkan dalam tempoh sah ke pejabat PTPTN.
  5. Pihak UBK, HEP juga menyediakan khidmat penghantaran dokumen secara kelompok pada hari ke lapan (8) dari tarikh keputusan permohonan PTPTN dikeluarkan.

